

31 MAR 2001

ISU FAUZI DIJANGKA DIBINCANG PADA MESYUARAT MT UMNO

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, yang dijangka turut membincangkan isu peletakan jawatan Datuk Fauzi Abdul Rahman sebagai anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Beserah.

Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob semalam.

Beliau memberi beberapa alasan termasuk dirinya tidak lagi diperlukan oleh Umno bahagian Kuantan berikutan pencalonan cawangan-cawangan bagi pemilihan ketua bahagian itu tidak memihak kepadanya.

Dalam surat peletakan jawatannya, beliau turut membuat dakwaan berlakunya amalan politik wang dalam kawasannya itu sehingga menyebabkan beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi membolehkannya bertanding mempertahankan jawatan ketua Umno bahagian Kuantan.

Fauzi bagaimanapun berkata beliau bersedia menarik balik peletakan jawatannya itu jika Umno menyiasat dakwaan yang dibuatnya.

-- BERNAMA

AFY ZS AKD